

PM tetap bertugas selepas kebakaran

KUALA LUMPUR, Selasa.— Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjalankan tugasnya seperti biasa hari ini walaupun sebahagian bangunan pejabatnya rosak terbakar malam tadi.

Bellau menjalankan tugas di sebuah bilik yang digunakan untuk menerima kenamaan-kenamaan asing yang terletak berhampiran bilik komputer.

Esok Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka berpindah ke pejabatnya di tingkat dua Bangunan Parlimen hingga penyiasatan dan kerja-kerja membersihkan kerosakan di Jabatan Perdana Menteri selesai dijalankan.

Kerja-kerja memungkah berbagai dokumen dan fail dari bangunan yang rosak itu ke Bangunan Parlimen telah pun dilakukan.

Kebakaran tersebut, yang bermula kira-kira jam 10.45 malam tadi, merosakkan tingkat bawah bangunan pejabat Perdana Menteri.

Tidak terjejas

Ia mengandungi Bilik Mesyuarat Kabinet yang baru sahaja diubahsuai, serta pejabat-pejabat Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri, Encik Jalaludin Bahaudin, Pembantu Khas, Dr. Engku Anuar Abdul Rahman dan Penasihat Khas Ekonomi, Raja Tan Sri Mohar Badiozaman.

Pejabat Datuk Seri Dr. Mahathir terletak di tingkat pertama. Difahamkan, pejabatnya tidak terjejas dalam kebakaran itu.

Tingkat bawah tanah bangunan tersebut menempatkan pejabat Majlis Tindakan Negara.

Bau kertas-kertas yang terbakar masih kuat di sekeliling bangunan tersebut dan air dari pancutan anggota-anggota bomba bertakung di atas lantai.

Beberapa cermin tingkap juga pecah.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2720
No. Penerimaan 166/85